

Selasa, 12 November 2019 | 3:08pm



Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail. - NSTP/Luqman Hakim Zubir

Tangani perlakuan anti-persaingan dan monopoli perniagaan - TPM

Oleh Irwan Shafrizan Ismail
irwansha@bh.com.my

PUTRAJAYA: Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail menegaskan perlakuan anti-persaingan seperti kartel dan penyalahgunaan kuasa atau monopoli perlu ditangani bagi menjamin pertumbuhan ekonomi yang mampan.

Timbalan Perdana Menteri, berkata ini kerana perlakuan itu terbukti menyumbang kepada herotan atau gangguan pasaran yang seharusnya bersaing secara sihat dan kompetitif.

Beliau berkata, sebagai contoh amalan perniagaan yang tidak mementingkan keadilan sosial apabila secara bersama menetapkan harga jualan jauh melebihi kos pengeluaran untuk meraih keuntungan maksimum.

"Dalam keadaan ini, berlakunya amalan perniagaan atau perusahaan yang secara bersama bersetuju untuk bertindak secara tidak adil daripada menjalankan perniagaan secara bebas dan bersaing secara adil antara satu sama lain.

"Persaingan dalam pasaran juga boleh terjejas oleh tindakan anti-persaingan monopoli dan perusahaan yang secara bersendiria, ataupun bergabung dengan perusahaan lain, mendominasi pasaran.

"Tindakan seperti ini dianggap sebagai penyalahgunaan kedudukan dominan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Simposium Persaingan Setara dan Kos Sara Hidup bertema 'Seiring dan Sejalan' di sini hari ini.

Wan Azizah berkata, antara amalan persaingan lain yang tidak sihat ialah penyalahgunaan kedudukan dominan sesebuah perusahaan menyebabkan perusahaan lain terkesan, memberhentikan operasi ataupun terus terkeluar daripada pasaran.

"Pengguna akan rugi jika mereka mempunyai kurang pilihan, berhadapan dengan harga tinggi dan barangan yang berkemungkinan tidak bermutu.

"Perusahaan yang menjadi pengguna barangan dan perkhidmatan dalam urusan perniagaan mereka sendiri akan turut rugi kerana produk yang perlu mereka beli dinafikan kepada mereka atau dijual melalui syarat yang tidak adil.

"Ekonomi tidak akan berkembang kerana perusahaan baharu tidak dapat menembusi pasaran dan perusahaan sedia ada tidak mempunyai insentif untuk menjadi inovatif dan cekap," katanya.

Beliau berkata, keadaan itu semestinya akan memberi impak negatif ke atas kesejahteraan hidup masyarakat, kerana pengguna terpaksa membeli dengan harga yang lebih tinggi dan tidak mempunyai pilihan untuk mendapatkan perkhidmatan atau barangan dengan harga yang munasabah.

"Seterusnya keadaan pasaran yang kurang menekankan persaingan yang sihat akan membebankan rakyat daripada segi perbelanjaan dan dengan itu meningkatkan kos sara hidup mereka," katanya.

Justeru katanya, manfaat untuk mengadakan undang-undang persaingan amat penting dalam mewujudkan amalan persaingan yang sihat dalam ekonomi.

"Penguatkuasaan Akta Persaingan 2010 adalah penting terutamanya dalam membentuk pasaran yang kompetitif dan sihat dengan melindungi proses persaingan untuk kepentingan pengguna, perniagaan dan ekonomi.

"Pasaran yang bebas dan berdaya saing juga pastinya akan menarik lebih ramai pemain industri ke dalam pasaran.

"Ia selaras dengan matlamat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang menjadi tumpuan pelaburan di persada antarabangsa," katanya.